



PERKARA BERBANGKIT MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT BIL. 3 TAHUN 2022



STATUS ISU BERBANGKIT YANG DIBENTANGKAN DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT KKM BILANGAN 3 TAHUN 2022



JKA		BIL.	TAJUK PENGAUDITAN	JUMLAH ISU	STATUS ISU YANG DIBENTANGKAN		
BIL.	TARIKH				MESY. JKA Bil. 3/2022	SELESAI	SUSUL
PERKARA-PERKARA BERBANGKIT							
4/2020	14.01.2021	1.	Pengauditan Terhadap Pengurusan Bot Ambulans, KKM	6	1	1	0
PEMBENTANGAN PENGAUDITAN CAWANGAN AUDIT DALAM							
3/2022	27.09.2022	1.	Pengauditan Terhadap Aduan Awam Yang Dilaksanakan Melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam	19	1	1	0
		2.	Pengauditan Terhadap Pengurusan Penyenggaraan Sistem ICT – Total Information System (THIS)	19	3	3	0
		3.	Pengauditan Kewangan (Pengurusan Kewangan dan Arahan Pembayaran)	137	10	7	3
		4.	Penilaian Prestasi Pengurusan Kewangan Bagi Tempoh Januari – Jun 2022 Melalui Sistem Penilaian Prestasi Pengurusan Kewangan (S3PK)	10	1	1	0
JUMLAH KESELURUHAN					16	13	3



PERKARA-PERKARA BERBANGKIT



1. Pengauditan Terhadap Pengurusan Bot Ambulans (Mesyuarat JKA Bil. 4/2020)

PERKARA BERBANGKIT

Muka Surat Minit Mesyuarat: 3

3.1.1. Dua (2) enjin bot berjumlah RM121,500.00 yang dibekalkan oleh JKN Sabah kepada PKD Semporna masih belum dipasang/diuji dan digunakan.

3.1.3 YBhg. Datuk Pengerusi mengingatkan keperluan bot adalah penting bagi memastikan perkhidmatan kesihatan Kerajaan tidak terjejas dan mengarahkan permohonan kelulusan peruntukan dibuat pada bulan Disember 2022 agar kelulusan dapat diberi pada bulan Januari 2023.

**Tindakan:
JKN Sabah
PKD Semporna
Bahagian Perolehan dan Penswastan**

MAKLUM BALAS

Status: Selesai



JKN Sabah & PKD Semporna

JKN Sabah telah mengemukakan semula permohonan peruntukan seperti yang diarahkan oleh YBhg. Datuk Pengerusi. Permohonan peruntukan telah dikemukakan melalui surat dengan rujukan JKN (SB) 400-5/2/71 Jld 2 (19) bertarikh 14.12.2022 yang telah dihantar melalui emel pada 16.12.2022 kepada Bah. Pembangunan KKM dan disalinkan kepada Pengarah Bah. Pembangunan Kesihatan Keluarga dan Pengarah Bah. Perkembangan Perubatan.

Bahagian Perolehan dan Penswastan

Bahagian Perolehan dan Penswastan (BPPs) mengambil maklum mengenai perolehan ke atas bot ambulans yang akan dilaksanakan kelak.



PERKARA-PERKARA BERBANGKIT



2. Pengauditan Terhadap Aduan Awam Yang Dilaksanakan Melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SiSPAA) (Mesyuarat JKA Bil. 3/2022)

PERKARA BERBANGKIT

Muka Surat Minit Mesyuarat: 21

4.2.2 YBhg. Datuk Pengerusi mencadangkan supaya Jawatankuasa Khas Siasatan diwujudkan bagi menyemak semula keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa siasatan sekiranya terdapat bantahan/ rayuan terhadap sesuatu kes aduan. Sekiranya keputusan Jawatankuasa Khas Siasatan adalah sama seperti Jawatankuasa Siasatan, semua pihak perlu akur dan menerima dengan keputusan yang telah dibuat. Keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Khas Siasatan perlu dimaklumkan kepada pengadu.

4.2.3 YBhg. Datuk Pengerusi mengingatkan kepada ahli mesyuarat bahawa aduan awam yang diterima adalah penting. Setiap aduan perlu dinilai dengan teliti kerana ia dapat membantu dalam membuat satu keputusan dasar dan polisi kementerian.

Tindakan:
Unit Komunikasi Korporat

MAKLUM BALAS

Unit Komunikasi Korporat

Status: Selesai



- Pihak UKK bersetuju dengan cadangan YBhg. Datuk Pengerusi supaya bantahan/ rayuan ke atas aduan akan disemak semula oleh Jawatankuasa Khas Siasatan bagi memastikan aduan disiasat oleh PTJ, JKN dan IPKKM mengikut garis panduan yang telah dipiawaikan.
- Merujuk kepada proses pengurusan aduan KKM, perkara ini telah dilaksanakan yang mana semua aduan yang telah diberi maklum balas kepada pelanggan oleh PTJ tetapi mendapat bantahan/ rayuan daripada pengadu, aduan tersebut akan disemak semula oleh pihak JKN.
- Aduan yang tidak dapat diselesaikan oleh pihak JKN juga akan dirujuk kepada pihak urus setia JK Pengurusan Aduan KKM bagi mendapatkan penyelesaian kes.



PERKARA-PERKARA BERBANGKIT



3. Pengauditan Terhadap Pengurusan Penyenggaraan Sistem ICT – Total Information System (THIS) (Mesyuarat JKA Bil. 3/ 2022)

PERKARA BERBANGKIT

Muka Surat Minit Mesyuarat: 22 - 24

4.3.1 Secara keseluruhannya, pengurusan penyenggaraan sistem ICT – Total Information System (THIS) di Institut Kanser Negara adalah memuaskan. Terdapat 19 penemuan Audit yang perlu diberi perhatian bagi mempertingkatkan tahap prestasi dan pengurusan Penyenggaraan Sistem ICT – Total Information System (THIS) Di Institut Kanser Negara. Sebanyak 16 penemuan Audit yang telah selesai diambil tindakan. Bagaimanapun terdapat tiga (3) penemuan yang perlu diberi perhatian bagi mempertingkatkan tahap pengurusan seperti berikut:

- a. Pembayaran Dibuat Di Luar Kontrak Rasmi
 - i. Tiga (3) Arahan Pembayaran berjumlah RM5.59 juta telah dibayar kepada NEX Intelligence walaupun kontrak formal belum ditandatangani selepas empat (4) bulan dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan.

MAKLUM BALAS

Institut Kanser Negara

Status: Selesai

Maklum balas Perkara (a)



- Bahagian Perolehan IKN telah menghantar Surat Permohonan Kelulusan Pembayaran di Luar kontrak kepada Pegawai Pengawal pada **21 Disember 2022**. Laporan siasatan dalaman berkenaan perkara ini akan disusuli dalam masa terdekat.
- Tindakan penambahbaikan telah diambil dengan memasukkan elemen pemantauan terhadap penyediaan kontrak formal dalam senarai semak Pegawai Perolehan dan Pegawai Kewangan bagi memastikan perkara ini tidak berulang.



PERKARA-PERKARA BERBANGKIT



3. Samb...Pengauditan Terhadap Pengurusan Penyenggaraan Sistem ICT – Total Information System (THIS) (Mesyuarat JKA Bil. 3/ 2022)

PERKARA BERBANGKIT

MAKLUM BALAS

Mesyuarat mengambil maklum bahawa:

- i. Proses tender tersebut telah dijalankan secara manual (tidak menggunakan Sistem ePerolehan). Disebabkan itu, berlaku kegagalan di pihak Bahagian Perolehan IKN untuk memantau kaedah pembayaran bagi dokumen kontrak yang belum disiapkan dalam tempoh empat (4) bulan atau tiga (3) kali pembayaran menggunakan SST;
- ii. Oleh yang demikian, Bahagian Perolehan IKN akan segera mengemukakan permohonan kelulusan Pegawai Pengawal bagi pembayaran yang telah dibuat di luar kontrak formal; dan
- iii. Tindakan penambahbaikan yang telah diambil oleh Bahagian Perolehan IKN adalah mengemaskini Senarai Semak dan Proses Cara Kerja Tatacara Pembayaran bagi memastikan perkara ini tidak berulang.

YBhg. Datuk Pengerusi mengingatkan sekiranya kelulusan khas diberikan, pembayaran akan dikategorikan di bawah Arahan Perbendaharan (AP) 59 dan prosedur AP 59 perlu dipatuhi sepenuhnya.



PERKARA-PERKARA BERBANGKIT



3. Samb...Pengauditan Terhadap Pengurusan Penyelenggaraan Sistem ICT – Total Information System (THIS) (Mesyuarat JKA Bil. 3/ 2022)

PERKARA BERBANGKIT

Selain itu, YBhg. Datuk Pengerusi juga mengingatkan pegawai penyemak yang bertanggungjawab dalam urusan pembayaran perlu lebih teliti ke atas pematuan prosedur kewangan bagi memastikan perkara sama tidak berulang dan mendapatkan pandangan/ khidmat nasihat dari pegawai yang lebih arif sebelum sesuatu bayaran diluluskan.

b. Ketidakpatuhan Klausula Kontrak – Prestasi Pembayaran

- i. Empat (4) tuntutan berjumlah RM163,750.57 telah dipertanggungjawabkan tetapi bayaran tidak dapat dibuat kerana dokumen sokongan tidak lengkap;
- ii. IKN telah terlebih bayar kepada NEX Intelligence sebanyak RM4,500.00 iaitu berkaitan dengan pembayaran pembaharuan lesen perisian Adobe Acrobat PRO DC (3 lesen) bagi tahun 2019; dan
- iii. 33 Arahan Pembayaran berjumlah RM6,860,046.50 telah dikeluarkan bagi pembayaran bulanan perkhidmatan sokongan operasi dan penyelenggaraan yang telah dilaksanakan oleh NEX Intelligence tanpa pengiraan dan tolok penalti berjumlah RM18,371.55.

MAKLUM BALAS

Maklumbalas Perkara (b) Status: Selesai



- Daripada empat (4) tuntutan, dua (2) tuntutan iaitu bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Pencegahan dan Pembaharuan Lesen Perisian telah dibayar melalui AP58(a) pada **14 Julai 2022**. Manakala dua (2) lagi tuntutan iaitu bagi Perkhidmatan *Capacity Planning* dan Perkhidmatan Sokongan Operasi dan Perkhidmatan Penyelenggaraan bulan April 2022 telah dibayar pada **14 Oktober 2022** dan **17 Oktober 2022**.
- Penambahbaikan terhadap peruntukan dalam kontrak di buat dengan memasukkan klausa pindaan kepada jadual di mana pindaan versi perisian boleh dilaksanakan melalui persetujuan mesyuarat pemantauan projek peringkat IKN.
- Penolakan penalti sebanyak **RM 22,871.55** telah dibuat pada pembayaran bulan April 2022 sebagai pemotongan terhadap amaun terlebih bayar bagi Pembaharuan Lesen Adobe sebanyak RM 4,500.00 dan Perkhidmatan Sokongan Operasi dan Perkhidmatan Penyelenggaraan sebanyak RM18,371.55.



PERKARA-PERKARA BERBANGKIT



3. Samb...Pengauditan Terhadap Pengurusan Penyelenggaraan Sistem ICT – Total Information System (THIS) (Mesyuarat JKA Bil. 3/ 2022)

PERKARA BERBANGKIT

MAKLUM BALAS

Mesyuarat mengambil maklum bahawa:

- i. Hasil semakan mendapati dua (2) pembayaran telah disempurnakan melalui AP58(a) pada 14 Julai 2022. Manakala dua (2) lagi tuntutan merujuk kepada pembayaran untuk Perkhidmatan Penyelenggaraan untuk bulan April 2022 dan Laporan Capacity Planning. Invois bagi kedua-dua pembayaran ini telah diterima dan telah dihantar kepada Bahagian Kewangan IKN untuk proses pembayaran pada 20 September 2022;
- ii. Tuntutan semula sebanyak RM4,500 telah dikemukakan kepada pihak NEX. Pihak NEX bersetuju untuk membayar balik sejumlah RM4,500.00 melalui potongan pembayaran bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan untuk bulan April 2022. Tindakan lain yang boleh diambil adalah dengan memastikan peruntukan dalam kontrak membenarkan pihak kontraktor untuk membekalkan lesen dan sebagainya pada spesifikasi yang lebih tinggi atau terkini; dan
- iii. Kiraan semula telah dibuat berdasarkan laporan Audit, dan penolakan penalti akan dikenakan pada invois bayaran perkhidmatan bulan April 2022. Didapati perbezaan sebenar penalti yang perlu dibayar oleh kontraktor adalah sebanyak RM18,371.55.



PERKARA-PERKARA BERBANGKIT



3. Samb...Pengauditan Terhadap Pengurusan Penyenggaraan Sistem ICT – Total Information System (THIS) (Mesyuarat JKA Bil. 3/ 2022)

PERKARA BERBANGKIT

MAKLUM BALAS

c. Tempat Penyimpanan Backup Tape

- i. *Backup tape* IKN telah disimpan di dalam peti besi di lokasi yang berlainan (*off-site*) iaitu di Jabatan Teknologi Maklumat Hospital Putrajaya (JTM HPj). Bagaimanapun peti besi tersebut telah disimpan di dalam Bilik Cetak yang turut digunakan sebagai tempat penyimpanan barang-barang yang lain.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa :

- i. IKN menempatkan *backup tape* di kabinet keselamatan yang disediakan di Hospital Putrajaya (HPj) dan semakan mendapati tempat tersebut tidak sesuai; dan
- ii. Langkah penambahbaikan yang akan diambil adalah untuk menempatkan kabinet keluli berpaling di Bangunan PETCT dan dijangka akan dilaksanakan sebelum 15 Oktober 2022.

Maklumbalas Perkara (c)

Status: Selesai



- Perbincangan telah diadakan bersama pihak IT Hospital Putrajaya (HPj) pada 18 Oktober 2022. Susulan daripada perbincangan tersebut, pihak IKN mengenal pasti lokasi yang sesuai bagi penempatan *backup tape* tersebut adalah di Institut Endokrin HPj.
- Surat permohonan penempatan telah dihantar ke pihak IT HPj pada 22 November 2022. Surat kelulusan penempatan *backup tape* di Institut Endokrin HPj telah diterima pada 8 Disember 2022 dan aktiviti penempatan *backup tape* telah dilaksanakan pada 8 Disember 2022.

**Tindakan:
Institut Kanser Negara**



PERKARA-PERKARA BERBANGKIT



4. Pengauditan Kewangan (Pengurusan Kewangan dan Arahan Pembayaran) (Mesyuarat JKA Bil. 3/2022)

PERKARA BERBANGKIT

Muka Surat Minit Mesyuarat: 25 - 28

4.4.2 Terdapat satu isu *punitive* yang melibatkan bayaran penuh perolehan sebut harga yang telah dibuat kepada pembekal TC Trucks Sales Sdn. Bhd. pada 5 November 2021 walaupun lori hanya dibekalkan kepada JKN Selangor pada 9 Februari 2022. (Maklum balas: Belum selesai)

**Tindakan:
JKN Selangor**

Terdapat dua (2) isu *corrective* yang melibatkan:

- Bayaran Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa (EKLWBB) atau *On-Call* telah dibayar kepada tujuh (7) pegawai perubatan yang bertugas di Bilik Gerakan Covid-19 pada bulan Mac hingga Julai 2021. (Maklum balas: **Belum selesai**)
- Kerja bernilai RM425,600 bagi pemasangan sistem *hose reel* dan sistem penggera kebakaran telah lewat disempurnakan selama 23 hari namun denda RM76.37 sehari tidak dikenakan. (Maklum balas: **Belum selesai**)

**Tindakan:
Hospital Tuanku Ja'afar, Negeri Sembilan
Hospital Kapit, Sarawak**

MAKLUM BALAS

Status: Selesai



JKN Selangor

Surat teguran secara bertulis berhubung *Improper Payment* bagi perolehan kenderaan lori promosi kesihatan (*Wellness Truck*) telah dikeluarkan kepada Puan Nooraini binti Zaki pada 5 Ogos 2022.

Status: Susul



Hospital Tuanku Ja'afar, Negeri Sembilan

Baki belum berjaya dikutip balik dari 5 orang Petugas Bilik Gerakan adalah berjumlah RM25,570.60.

Tindakan: Peringatan ketiga (07.12.2022) & dikemukakan untuk tindakan Penasihat Undang-Undang (20.12.2022)

Status: Selesai



Hospital Kapit, Sarawak

Pembayaran denda telah dilakukan oleh pihak syarikat pada 15 September 2022



PERKARA-PERKARA BERBANGKIT



4. Samb...Pengauditan Kewangan (Pengurusan Kewangan dan Arahan Pembayaran) (Mesyuarat JKA Bil. 3/2022)

PERKARA BERBANGKIT

Terdapat satu isu *corrective* yang melibatkan Akaun Belum Terima (ABT) tunggakan bayaran balik gaji/ emolumen yang melebihi 12 bulan masih belum diselesaikan oleh bekas pegawai. (Maklum balas: Belum selesai)

Tindakan:

Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Sepang, Selangor

4.4.5 Mesyuarat juga dimaklumkan berkenaan isu *corrective* bagi Arahan Pembayaran iaitu kesilapan bayaran (terlebih bayar) yang melibatkan enam (6) PTJ. Perkara ini telah diambil tindakan oleh PTJ terlibat dan ringkasan penemuan Audit adalah seperti dalam Jadual 5.

Tindakan:

**ILKMM (Kejururawatan) Kuala Pilah, Negeri Sembilan
Hospital Selama, Perak
Hospital Tangkak, Johor**

MAKLUM BALAS

Status: Selesai



Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Sepang, Selangor

PTJ telah mengemukakan surat ke pihak PUU untuk tindakan pihak PUU pada 11 Oktober 2022. Setakat 18 Oktober 2022, dokumen berkenaan masih lagi dalam semakan pihak PUU.



PERKARA-PERKARA BERBANGKIT



4. Samb...Pengauditan Kewangan (Pengurusan Kewangan dan Arahan Pembayaran) (Mesyuarat JKA Bil. 3/2022)

PERKARA BERBANGKIT

MAKLUM BALAS

PTJ	AMAUN (RM)	JENIS BAYARAN	STATUS
Hospital Balik Pulau, Pulau Pinang	4,946.40	Elaun lebih Masa	Selesai
PKPD Kuala Krai, Kelantan	83.86	Elaun Lebih Masa	Selesai
Hospital Bentong, Pahang	4,229.40	Perolehan kerja tidak mengikut spesifikasi	Selesai
ILKKM (Kejururawatan) Kuala Pilah, Negeri Sembilan	2,286.53	Penalti - Kegagalan Pengawal Keselamatan (PK) membuat clocking seperti ketetapan perjanjian	Belum selesai
	239.18	Tolakan - Satu (1) clocking point rosak	Belum selesai
Hospital Selama, Perak	726.54	Elaun Lebih Masa	Belum Selesai
	2,028.64	Penalti	Belum Selesai
Hospital Tangkak, Johor	684.52	Penalti	Belum Selesai
	1,257.40	Tolakan Bayaran	Belum Selesai

Status: Susul

ILKKM (Kejururawatan) Kuala Pilah, Negeri Sembilan

Bahagian Perolehan dan Penswastaan KKM masih menunggu kelulusan daripada Bahagian Akaun untuk potongan melalui bon pelaksanaan. Jangkaan selesai Mac 2023.

Status: Selesai

Hospital Selama, Perak

Selesai diambil tindakan pada 01 Disember 2022.

Status: Selesai

Hospital Tangkak, Johor

Selesai diambil tindakan pada 28 September 2022.

4.6.6 YBhg. Datuk Pengerusi memohon semua PTJ terlibat menyelesaikan isu pembayaran yang masih belum dikutip selewat-lewatnya sehingga 28 September 2022.



PERKARA-PERKARA BERBANGKIT



5. Penilaian Prestasi Pengurusan Kewangan Bagi Tempoh Januari – Jun 2022 Melalui Sistem Penilaian Prestasi Pengurusan Kewangan (S3PK) (Mesyuarat JKA Bil. 3/2022)

PERKARA BERBANGKIT

MAKLUM BALAS

Muka Surat Minit Mesyuarat: 29

4.61 Secara keseluruhannya, purata markah pencapaian keseluruhan PTJ di KKM adalah 97.06% iaitu tahap Cemerlang bagi tempoh Januari hingga Jun 2022 yang melibatkan 446 PTJ. Purata markah pencapaian ini meningkat 0.05% berbanding tempoh Julai hingga Disember 2021 yang melibatkan 443 PTJ.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa sembilan (9) PTJ berada pada tahap Baik (80 – 89.9%) dan satu PTJ iaitu Hospital Pitas, Sabah berada pada tahap Memuaskan (70 – 79.9%).

4.6.2 Hospital Pitas, Sabah memaklumkan bahawa telah tersilap mengunci masuk penilaian sendiri dengan menjawab “Tidak” pada elemen yang “Tidak Berkaitan” menyebabkan peratusan telah jatuh.

4.6.3 YBhg. Datuk Pengerusi mencadangkan agar Hospital Pitas, Sabah menghubungi urus setia dan membuat percubaan penilaian mengikut jawapan yang sepatutnya bagi memastikan peratusan pemarkahan yang tepat.

**Tindakan:
Hospital Pitas, Sabah**

Hospital Pitas, Sabah

Status: Selesai



Pihak Hospital Pitas telah membuat Penilaian Kendiri secara manual yang mana setelah dikira semula di Bahagian I iaitu Kawalan Pengurusan dan Bahagian II Kawalan Bajet. Setelah dinilai semula, markah pencapaian Hospital Pitas setelah dikira dan diperbetulkan adalah **86.56%**.

Pihak Hospital Pitas akan memperbaiki Penilaian Setengah Tahun Kedua (Julai – Disember 2022) yang akan datang.